

# KONGRES KESATUAN SEKERJA MALAYSIA


## Tren Semasa Perjanjian Bersama 2005-2008

MTUC telah melakukan tinjauan terhadap tren semasa Perjanjian Bersama(PB) 2005/6-2008 di kalangan kesatuan gabungan. Lebih kurang 22 PB dari sektor perkilangan telah dianalisa untuk tujuan ini. Berikut merupakan sedikit sebanyak pengelupasan yang dipetik dari PB tersebut untuk tatapan bersama.

### **Bonus**

Satu-satunya elemen yang amat penting dalam PB ialah Bonus. Hasil dari analisa ini menunjukkan bahawa 38 peratus daripada PB menerima kadar bonus 2 bulan dan keatas. Manakala 29 peratus dari PB pula hanya menetapkan bonus sebulan dan selebihnya 33 peratus dari PB menetapkan bonus tahunan berdasarkan kepada prestasi syarikat.

Di samping itu, ada juga PB yang menetapkan bonus pada quantum minimum dan di tambah pula dengan prestasi syarikat. Ini bermakna pekerja akan dapat manfaat dan menikmati faedah sejajar dengan hasil dari keuntungan syarikat tersebut.




*The 1891 encyclical of Pope Leo XIII "on the condition of labour" states that "remuneration must be enough to support the wage earner in reasonable and frugal comfort. If through necessity, or fear of a worse evil, the workman accepts harder conditions because an employer or contractor will give him no better, he is the victim of fraud and injustice" (quoted in International Labour Review, 2006).*

### **Gaji minimum**

Gaji minimum yang bakal mencorak hidup sekumpulan besar kaum pekerja dalam sektor swasta amat penting untuk diteliti. Hasil dari penganalisaan menunjukkan bahawa hanya satu PB menetapkan gaji minimum lebih dari garis kemiskinan RM625 dan selebihnya iaitu 95 peratus dari PB menetapkan gaji minimum di bawah paras garis kemiskinan.

Sebarang pembangunan ekonomi Negara tidak akan memberi makna sekiranya

halatuju kaum pekerja sektor swasta terus menuju kearah kemelesetan.



*95% of the CA had set the minimum wage below poverty line.*

### **Faedah Perubatan**

Kesemua PB menetapkan bahawa kos rawatan perubatan akan dibiayai sepenuhnya oleh majikan sekiranya pekerja mendapat rawatan perubatan dari doktor syarikat atau kerajaan dengan menetapkan kadar maksimum. Serendah RM850 dan setinggi RM9000 untuk setahun. Adalah tidak munasabah menetapkan kadar maksimum serendah RM4000 memandangkan PENYAKIT adalah sesuatu yang tidak dapat dijangka atau diduga dan kos perubatan semasa amat tinggi serta terus meningkat apatah lagi kecenderungan kerajaan untuk mengswastakan perkhidmatan kesihatan Negara.

---

### **Faedah Persaraan dan Pemecatan**

Faedah persaraan dan pemecatan ditetapkan dalam kebanyakan PB walaupun kuantumnya agak berbeza-beza. Secara puratanya faedah persaraan kurang popular berbanding dengan faedah pemecatan yang sekurang-kurangnya menetapkan minimum kuantum mengikut Akta Pekerja.

---

### **Waktu dan Hari Bekerja**


Kebanyakan syarikat menetapkan 5 1/2 hari kerja dengan 40 hingga 45 jam seminggu waktu kerja. Waktu dan jam kerja juga bergantung kepada shift atau giliran kerja. Manakala waktu

rehat ialah sejam(60 minit). Masih terdapat syarikat yang hanya menetapkan waktu rehat 45 minit. Bagi waktu rehat pada hari Jumaat-terdapat PB yang memberi pelepasan 1 1/2jam kepada penganut agama Islam untuk melakukan sembahyang.

**Cuti bersalin masih kekal 60 hari untuk kesemua PB**

**Umur Persaraan bagi Wanita dan Lelaki**

Berdasarkan PB yang di analisa ia dapat dikategorikan kepada dua kumpulan mengikut jantina. 67 peratus daripada PB tersebut menetapkan umur persaraan pada 55 tahun untuk lelaki dan 33 peratus bagi kaum wanita. Selebihnya meletakkan umur persaraan pada aras pilihan iaitu bagi kaum lelaki 19 peratus PB menetapkan kaum lelaki boleh memilih untuk bersara lebih awal pada umur 50 tahun. Manakala kaum wanita boleh memilih untuk bersara pada umur 45 atau 50 tahun mengikut PB masing-masing. Justeru itu 14 peratus PB menetapkan umur persaraan melebihi 55 tahun dan ia hanya untuk kaum lelaki sahaja.



**Cuti bersalin masih kekal 60 hari untuk kesemua PB**